

Tunggakan bil elektrik RM2.02 juta

# Pejabat Parlimen, TNB cari jalan penyelesaian

JMB rumah pangsa Bandar Tasik Selatan 1 dicadang jelas tunggakan bil secara berjadual

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pejabat Parlimen Bandar Tun Razak meminta Tenaga Nasional Berhad (TNB) menangguhkan proses pemotongan bekalan elektrik Pangsapuri Kos Rendah Bandar Tasik Selatan 1, di sini, yang dijadualkan pada Rabu ini.

Wakilnya, Datuk Azman Abidin, berkata pihaknya sudah mengadakan rundingan dengan pihak TNB dan wakil Badan Pengurusan Bersama (JMB) pangsapuri itu, baru-baru ini, untuk mencari jalan penyelesaian terbaik berhubung isu berkenaan.

Beliau berkata, isu itu diambil maklum Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, sebelum mengambil tindakan sewajarnya untuk membantu pihak JMB dan penduduk.

"Pihak JMB berdepan kesukaran menyelesaikan jumlah tunggakan bil mencecah RM2 juta.



Azman Abidin



Justeru, kita mencadangkan pihak JMB diberi peluang menjelaskan bayaran tunggakan secara berjadual bagi mengurangkan tunggakan yang ada dan kita yakin TNB akan bersetuju.

"Kita juga meminta TNB menangguhkan pemotongan hingga sekurang-kurangnya selepas selesai mesyuarat penduduk bersama pihak Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), untuk pemilihan wakil JMB baharu pada bulan depan," katanya kepada *BH*, semalam.

Azman yang juga Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pihaknya maklum akan masalah dihadapi pihak JMB yang menghadapi masalah kewangan berikutan kos pengurusan melebihi pendapatan.

"Kutipan yuran penyelenggaraan yang diperoleh setiap bulan tidak cukup untuk membayar kos pengurusan sebulan kira-kira RM120,000, sedangkan hasil kutipan hanya RM70,000.



Penduduk membuat bayaran penyelenggaraan bagi Pangsapuri Kos Rendah, Bandar Tasik Selatan. (Foto Saifullizan Tamadi/BH)

"Maka, JMB tidak dapat menguruskan pangsapuri itu dengan baik. Masalah timbul kerana ada penduduk culas membuat bayaran dan perkara ini tidak adil kepada JMB serta penduduk yang menjalankan tanggungjawab mereka," katanya.

Kelmarin, *BH* melaporkan JMB Pangsapuri Kos Rendah Bandar Tasik Selatan 1 akan mengadakan rundingan lanjut dengan TNB berhubung notis pemotongan bekalan elektrik yang kini merunsingkan penduduk.

## Terima 17 aduan

Sementara itu, polis menerima 17 aduan terhadap JMB Pangsapuri Kos Rendah Bandar Tasik Selatan 1 berkait isu tunggakan bil elektrik mencecah RM2 juta.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoo-

suf, berkata semua laporan polis dibuat oleh penduduk di pangsapuri terbabit.

Beliau berkata, aduan pertama diterima daripada seorang penduduk berusia 35 tahun pada Khamis lalu selepas mendapati terdapat notis pemotongan elektrik oleh TNB di semua lima blok.

"Pengadu mendakwa tiada pembayaran dibuat sejak 31 Januari 2022 sedangkan penduduk membuat bayaran yuran penyelenggaraan RM50 sebulan bagi setiap unit rumah kepada pihak JMB.

"Ekoran daripada tunggakan tersebut, pengadu mengesyaki terdapat penyelewengan wang oleh JMB," katanya.

Ramli berkata, beberapa penduduk sudah membuat aduan kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB) Kuala Lumpur sejak dari Julai 2022 dan sehingga kini masih dalam proses tindakan susulan.